# PERPUSTAKAAN BOLEH MEMANDU PEMBANGUNAN BAGI SELURUH AGENDA PBB 2030


**IFLA**

Suara global dipercayai oleh bidang perpustakaan dan maklumat (www.ifla.org).

Persekutuan Persatuan-persatuan Dan Institusi-institusi Perpustakaan Antarabangsa (IFLA) adalah badan antarabangsa yang menerajui kepentingan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat dan pengguna-penggunanya.


## MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

1 TIADA KEMISKINAN

### MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DALAM SEMUA BENTUK DI MANA SAHAJA

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan…**

- Capaian awam ke atas maklumat dan sumber-sumber yang memberi masyarakat peluang menambahbaik kehidupan mereka
- Latihan dalam kemahiran-kemahiran baru yang diperlukan dalam pendidikan dan pekerjaan
- Maklumat untuk menyokong kerajaan, pertubuhan-pertubuhan awam dan perniagaan-perniagaan dalam membuat keputusan bagi menangani kemiskinan

2 TIADA KELAPARAN

### MENAMATKAN KELAPARAN, MENCAPAI KESELESAAN MAKANAN DAN MENAMBAHBAIK NUTRISI DAN MENGGALAKKAN PERTANIAN MAMPAN

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan…**

- Kajian pertanian dan data tentang bagaimana membuat tanaman lebih produktif dan mampan
- Capaian awam untuk petani mencari sumber-sumber atas talian seperti harga pasaran tempatan, laporan cuaca dan peralatan-peralatan baru

3 KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN HIDUP

### MEMASTIKAN KEHIDUPAN SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN BAGI SEMUA PERINGKAT UMUR

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan…**

- Kajian dalam bidang perubatan dan perpustakaan hospital yang menyokong pendidikan dan menambahbaik amalan perubatan bagi pembekal penjagaan kesihatan
- Capaian awam kepada maklumat kesejahteraan dan kesihatan di perpustakaan-perpustakaan awam yang membantu individu dan keluarga kekal sihat

4 PENDIDIKAN BERKUALITI

### MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI YANG ADIL DAN MENYELURUH YANG MENGGALAKKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan…**

- Kakitangan berdedikasi yang menyokong celik huruf awal dan pembelajaran sepanjang hayat
- Capaian maklumat dan kajian bagi pelajar-pelajar di mana sahaja
- Ruang menyeluruh di mana kos bukan penghalang untuk mendapat pengetahuan dan kemahiran baru

5 KESAMARATAAN JANTINA

### MENCAPAI KESAMARATAAN JANTINA DAN MEMPERKASA SEMUA WANITA DAN PEREMPUAN MUDA

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan…**

- Ruang pertemuan yang selamat dan ramah
- Program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan direka untuk menepati keperluan wanita, seperti hak-hak dan kesihatan
- Capaian maklumat dan ICT yang membantu wanita membina kemahiran berniaga

6 SANITASI DAN AIR BERSIH

7 TENAGA BERSIH DAN BERPATUTAN

### SANITASI DAN AIR BERSIH

### TENAGA BERSIH DAN BERPATUTAN

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan…**

- Capaian maklumat berkualiti dan amalan yang baik bagi menyokong pengurusan air tempatan dan projek-projek sanitasi
- Capaian elektrik dan lampu yang percuma dan boleh dipercayaai untuk membaca, menelaah dan bekerja

8 PERKEMBANGAN PEKERJAAN DAN EKONOMI YANG WAJAR

### MENGGALAKKAN PERKEMBANGAN EKONOMI YANG MAMPAN, MENYELURUH DAN BERTERUSAN, PENGAMBILAN TENAGA KERJA YANG PENUH DAN PRODUKTIF DAN PEKERJAAN YANG WAJAR BAGI SEMUA

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan…**

- Capaian maklumat dan latihan kemahiran yang masyarakat perlukan untuk mencari, memohon dan berjaya dalam pekerjaan yang lebih baik

9 INDUSTRI, INOVASI DAN INFRASTRUKTUR

## MEMBINA INFRASTRUKTUR YANG LASAK, MENGGALAKKAN PENGINDUSTRIAN YANG MENYELURUH DAN MAMPAN DAN MENGASUH INOVASI

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan...**

- Infrastruktur perpustakaan awam dan kajian sedia ada yang meluas dan warga profesional perpustakaan yang berkemahiran
- Ruang awam yang mesra dan menyeluruh
- Capaian ICT seperti internet berkelajuan tinggi yang mungkin tidak didapati di tempat-tempat lain

10 MENGURANGKAN KETAKSAMARATAAN

## MENGURANGKAN KETAKSAMARATAAN DI DALAM DAN DI ANTARA NEGARA-NEGARA

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan...**

- Ruang neutral dan mesra yang membuka peluang pembelajaran kepada semua, termasuk kumpulan-kumpulan kecil seperti pendatang, pelarian, minoriti, penduduk peribumi dan warga kurang upaya
- Capaian adil terhadap maklumat-maklumat yang menyokong rangkuman sosial, politik dan ekonomi

11 BANDAR-BANDAR DAN KOMUNITI-KOMUNITI MAMPAN

## MEMBUAT BANDAR-BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA MENYELURUH, SELAMAT, LASAK DAN MAMPAN

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan...**

- Institusi-institusi dipercayai yang menumpukan kepada menggalakkan rangkuman dan pemahaman kebudayaan
- Dokumentasi dan pemeliharaan warisan kebudayaan untuk generasi-generasi masa hadapan

12 PENGGUNAAN BERTANGGUNGJAWAB

13 TINDAKAN IKLIM

14 KEHIDUPAN DI BAWAH AIR

15 KEHIDUPAN DI DARAT

## MEMASTIKAN PENGGUNAAN DAN CORAK PEMBUATAN YANG MAMPAN

## MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA BAGI MENGHADAPI PERUBAHAN IKLIM DAN KESANNYA

## MEMULIHARA DAN MENGGUNAKAN LAUT, DAN SUMBER-SUMBER MARIN SECARA MAMPAN BAGI PEMBANGUNAN MAMPAN

## MELINDUNGI, MEMULIHARA DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN MAMPAN BAGI EKOSISTEM DARATAN, PENGURUSAN HUTAN MAMPAN, MENANGANI PENGGURUNAN SELAIN MENGHENTIKAN DAN MENGUNDURKAN PENURUNAN ZAT TANAH DAN MENGHALANG KEHILANGAN BIODIVERSITI

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan...**

- Sistem perkongsian dan peredaran bahan mampan yang mengurangkan bahan buangan
- Rekod sejarah tentang perubahan pantai dan penggunaan tanah
- Kajian dan data diperlukan untuk mengumumkan polisi perubahan iklim
- Capaian meluas untuk maklumat diperlukan bagi memandu kerajaan tempatan dan nasional dalam membuat keputusan berkenaan tajuk-tajuk seperti memburu, memancing, penggunaan tanah dan pengurusan air

16 KEAMANAN, KEADILAN DAN INSTITUSI-INSTITUSIYANG BERKEMAMPUAN

## MENGGALAKKAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG AMAN DAN MENYELURUH BAGI PEMBANGUNAN MAMPAN, MENYEDIAKAN CAPAIAN KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI CEKAP, BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYELURUH DI SETIAP PERINGKAT

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan...**

- Capaian awam bagi maklumat berkenaan kerajaan, pertubuhan awam, dan institusi-institusi lain
- Latihan dalam kemahiran-kemahiran diperlukan untuk memahami dan menggunakan maklumat ini
- Ruang yang menyeluruh, tanpa kawalan politik bagi masyarakat bertemu dan merancang

17 USAHASAMA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT

## MENGUATKAN CARA-CARA PELAKSANAAN DAN MENGGIATKAN SEMULA USAHASAMA GLOBAL UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

**Perpustakaan-perpustakaan menyokong matlamat ini dengan menyediakan...**

- Rangkaian global bagi institusi-institusi berasaskan komuniti, diperkasakan untuk menyokong rancangan pembangunan setempat